



Rujukan kami: SKCACKK.100-1/5/1(76)  
Tarikh: 14 APRIL 2022

Para ibu bapa / penjaga yang dihormati,

## MAKLUMAN PEMBUKAAN SEKOLAH TANPA PENGGILIRAN DAN PENGGUNAAN JADUAL WAKTU ANJAL

Menurut arahan daripada Menteri Kanan KPM bertarikh 9 April 2022 memaklumkan bahawa kehadiran semua murid secara bersemuka tanpa penggiliran bagi sekolah rendah akan bermula mulai 18 April 2022. Ini bermaksud murid Tahun 3, 4 dan 5 tidak perlu hadir ke sekolah secara penggiliran lagi.

02. Dengan menurut arahan KPM, pihak sekolah amat mengalu-alukan kedatangan semua murid Prasekolah, murid Tahun 1 hingga Tahun 6 kembali ke sekolah untuk meneruskan PDPC secara bersemuka mulai 18 April 2022 ( Isnin ).

03. **Pihak sekolah memohon kepada ibu bapa supaya menghantar anak tuan/puan ke sekolah sebelum jam 7.00 pagi dan sebelum jam 7.30 pagi (untuk murid Prasekolah).** Sehubungan itu, ibu bapa / penjaga perlu memastikan kesihatan anak dalam keadaan baik sebelum menghantar anak ke sekolah. Ibu bapa hendaklah menyediakan pelitup muka dan pensanitasi tangan untuk anak. Pihak sekolah akan mengambil suhu badan murid di pintu utama sekolah dan kelas bagi memastikan anak tuan/puan berada dalam keadaan sihat untuk belajar. Jika suhu badan anak mencecah 37.5 °C, ibu bapa hendaklah membawa pulang anak atau mendapat rawatan segera.

04. Sebagai inisiatif bagi menangani isu beg sekolah berat, pihak sekolah telah menyediakan Jadual Waktu Anjal untuk setiap kelas. Jadual Waktu Anjal disebut sebagai "Jadual Waktu B". Jadual ini akan digunakan mulai minggu depan iaitu pada 18 April 2022 ( Isnin ). Ibu bapa diminta untuk membimbing anak-anak mengemas beg berdasarkan jadual waktu dengan membawa buku-buku yang diperlukan sahaja, elakkan membawa barang yang tidak berkaitan demi memastikan keberatan beg murid-murid tidak membebankan mereka.

05. **Waktu penyuraian adalah seperti biasa.** Memohon pemahaman ibu bapa bahawa sekolah adalah terletak di dalam kawasan perumahan, masalah kesesakan lalulintas memang tidak dapat dielakkan. Diharapkan para ibu bapa/penjaga dapat memberikan kesabaran dan kerjasama dengan mematuhi peraturan sekolah dan lalu lintas dan juga arahan guru atau pengawal keselamatan, bertimbang rasa dan bertolak ansur demi kemuafakatan antara satu sama lain untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku. Para ibu bapa/penjaga dinasihatkan mengambil anak dari sekolah berdasarkan jadual waktu penyuraian secara bergilir-gilir yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Berikut adalah jadual waktu penyuraian setiap tahun:

Tahun	Waktu Penyuraian
Tahun 1	11.50 pagi
Tahun 2	12.00 tengah hari
Tahun 3	12.10 tengah hari
Tahun 4	12.20 tengah hari
Tahun 5	12.30 tengah hari
Tahun 6	12.40 tengah hari

06. Untuk makluman semua, pihak sekolah berinisiatif mengumpulkan maklumat awal berkaitan kehadiran murid ke sekolah. Diminta para ibu bapa / penjaga berikan kerjasama untuk mengisi borang soal selidik yang berbentuk Google Form melalui link yang disediakan :

<https://forms.gle/1h4rHPduB6iLdis97>

Sekiranya ibu bapa / penjaga tidak membenarkan anak-anak bersekolah, surat mohon cuti dengan sebab yang munasabah perlu disediakan dan hantar ke sekolah. Pihak sekolah telah menyediakan Contoh Surat Mohon Cuti dalam Link Soal Selidik sebagai rujukan semua.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KITA JAGA KITA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**MOK SUN FU**

Guru Besar

SK (C) Anglo Chinese,

Kota Kinabalu.